

TARIKH	6 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	27	RUANGAN	Nasional

Tabung Haji bimbing calon SPM di Pahang

Kuantan: Tabung Haji menerusi Kelab TaHa meneruskan lagi tanggungjawab sosial korporat dengan mengadakan program bimbingan peperiksaan untuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum menjelangnya peperiksaan itu, di sini baru-baru ini.

Seramai 250 peserta daripada 13 sekolah menengah di sekitar Kuantan dan Muadzam Shah, Rompin, menyertai program sehari itu di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Kuantan.

Pengarah Tabung Haji negeri, Mohyen Mosman, berkata kerja-

ma yang diberikan Unit Pendidikan BH merancakkan lagi usaha Tabung Haji untuk meningkatkan pencapaian akademik dalam kalan-

gar pelajar di negeri ini. Beliau berkata, Tabung Haji menerusi Kelab TaHa mula mengadakan klinik bimbingan pepe-

riksaan sejak 2008 dalam usaha membantu calon SPM memperoleh keputusan cemerlang.

Sambutan menggalakkan

“Saya berpuas hati dengan sam-

butan yang diterima setiap kali

program diadakan, malah terpak-

sa mengehadkan penyertaan dise-

babkan beberapa faktor terutama tempat terhad.

“Kita akan terus bekerjasama dengan Unit Pendidikan BH bagi menjayakan klinik bimbingan peperiksaan bagi calon SPM pada masa akan datang kerana hanya dengan cara ini mampu meningkatkan pencapaian akademik pelajar,” katanya pada majlis perasmian program berkenaan baru-baru ini.

Pada program berkenaan, pelajar didekahkan teknik menjawab soalan peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Seorang pelajar Sekolah Mene-

ngah Kebangsaan (SMK) Pelabuhan Kuantan, Khairunnisa Abdul Razak, berkata pendedahan yang diterima sepanjang program itu banyak membantunya untuk lebih bersedia dalam menjawab soalan.

“Program seperti ini amat ber-

makna kepada saya kerana banyak

panduan untuk menjawab soalan

seperti yang dikehendaki pemerik-

sa,” katanya.

Bagi Muhammad Firdaus Bahar-

rudin pelajar SMK Tok Sera, Kuan-

tan, beliau yakin dapat melakukan

yang terbaik pada peperiksaan SPM

kali ini terutama selepas mendapat

tunjuk ajar daripada penceramah.

“

Saya berpuas hati dengan
sambutan yang diterima
setiap kali program diadakan,
malah **terpaks**
mengehadkan
penyertaan disebabkan
beberapa faktor
terutama tempat terhad”

Mohyen Mosman,
Pengarah TH negeri,
Pahang